Owners of and all other persons interested in the ships or vessels 'Fordeco No 12' and 'Fordeco No 17' lwn Shanghai Hai Xing Shipping Co Ltd

MAHKAMAH RAYUAN (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO S-02-211 TAHUN 1994
LAMIN PMR, MAHADEV SHANKAR DAN AHMAD FAIRUZ HHMR
15 OKTOBER 1997

Acara Sivil *— Admiralti — Kelewatan memasukkan tindakan permulaan — Defendan lewat menyerahsimpankan tindakan permulaan — Kelewatan disebabkan oleh keengganan plaintif mengemukakan dokumen-dokumen — Sama ada ini adalah suatu sebab yang sah — Sama ada plaintif perlu membuktikan bahawa tuntutan mereka berasas — Sama ada plaintif adalah berhak prima facie diberi penghakiman jika defendan tidak dapat memberi penjelasan yang memuaskan mengenai kenapa tindakan permulaan mereka tidak diserahsimpan dalam tempoh masa yang ditetapkan — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 70 k 18*

Perayu-perayu dalam rayuan ini adalah tuan-tuan punya kapal-kapal 'Fordeco No 12' dan 'Fordeco No 17' ('kapal perayu') manakala penentang-penentang adalah tuan punya kapal atau vessel 'MV Xin Hua 10' ('kapal penentang'). Menurut penentang-penentang, kapal mereka dilanggar oleh kapal perayu. Penentang-penentang mengatakan bahawa kecuaian perayu-perayulah yang telah menyebabkan perlangggaran itu.

Melalui writ saman dalam tindakan in rem, penentang-penentang menuntut ganti rugi atas kerosakan kapal mereka. Writ saman tersebut telah diserahkan dengan sempurnanya ke atas kapal perayu dan perayu-perayu telahpun memasukkan kehadiran. Penentang-penentang kemudiannya telah menyerahsimpankan dokumen yang disebut 'tindakan permulaan' (preliminary act) mereka di pejabat pendaftaran. Aturan 70 k 17(19) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') juga mewajibkan perayu-perayu menyerahsimpankan tindakan permulaan mereka dalam tempoh dua bulan dari tarikh mereka memasukkan kehadiran. Sungguhpun demikian, perayu-perayu telah lewat tujuh hari apabila menyerahsimpankan tindakan permulaan mereka. Melalui suatu notis usul, penentang-penentang telah memohon supaya penghakiman ingkar penyerahsimpanan tindakan permulaan diberi kepada mereka. Permohonan penentang-penentang telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi. Perayu-perayu merayu ke mahkamah ini.

Pihak perayu-perayu menghujahkan bahawa yang arif hakim Mahkamah Tinggi silap apabila beliau memutuskan penentang-penentang tidak perlu membuktikan tuntutannya cukup berasas jika perayu-perayu hadir dalam pendengaran usul itu. Ini mengikut yang arif adalah maksud yang tersirat dalam A 70 kk 18(4) dan (5). Mengikut pihak perayu-perayu, yang tersirat dalam kk 18(4) dan (5) itu ialah kewajipan penentang-penentang memuaskan mahkamah bahawa tuntutan mereka adalah cukup berasas. Perayu-perayu

A seterusnya mengatakan bahawa kelewatan penyerahsimpanan tindakan permulaan mereka adalah disebabkan oleh keengganan atau kegagalan pihak penentang-penentang untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang dipinta oleh perayu-perayu.

B **Diputuskan**, menolak rayuan:

Kedua-dua A 70 kk 18(3) dan 18(4) KMT menunjukkan bahawa mahkamah semasa pendengaran usul penentang-penentang itu 'boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya adil'. Tidak langsung tergumpal dalam k 18(4) bahawa penentang-penentang perlu membuktikan bahawa tuntutan mereka adalah cukup
C berasas. Malah, penentang-penentang adalah berhak prima facie diberi penghakiman kecuali perayu-perayu dapat memberi penjelasan yang memuaskan mengenai kenapa mereka tidak menyerahsimpankan tindakan permulaan mereka dalam tempoh masa yang ditetapkan. Di dalam kes ini, keengganan atau kegagalan pihak penentang-penentang
D untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang dipinta oleh perayu-perayu bukanlah suatu sebab yang sah atas kelewatan itu. Tujuan tindakan permulaan itu adalah untuk mendapatkan kenyataan-kenyataan daripada pihak-pihak berkenaan mengenai keadaan-keadaan 'recenti facto' dan untuk mengelakkan pihak defendan daripada mencorakbentukkan kesnya bagi menentangi kes plaintif.
E Justeru itu, keengganan pihak penentang-penentang mengemukakan dokumen-dokumen itu tidaklah boleh dijadikan suatu alasan untuk memfailkan tindakan permulaan mereka lewat. Dalam keadaan-keadaan yang terdapat di dalam rayuan ini, perlanjutan masa juga tidak wajar diizinkan (lihat ms 672E–I, 673A–B dan 674B).

F [**English summary**

The appellants in this appeal were the owners of the ships 'Fordeco No 12' and 'Fordeco No 17' ('the appellants' ship') whilst the respondents were the owners of the ship or vessel 'MV Xin Hua 10' ('the respondents' ship'). According to the respondents, the appellants'
G ship had collided into their ship. The respondents alleged that the negligence of the appellants had caused the collision.

By a writ of summons in an action for admiralty in rem, the respondents claimed damages for the damage to their ship. The writ of summons was properly served on the appellants' ship and the
H appellants duly entered appearance. The respondents subsequently lodged a document, known as a preliminary act, in the Registry. By O 70 r 17(1) of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC'), the appellants were compelled to lodge their preliminary act within two months from the date of entering appearance. In spite of this, the
I appellants were seven days late in lodging their prelimary act. By an originating motion, the respondents prayed that judgment in default of the lodgment of the preliminary act be granted to them. The respondents' application was allowed by the High Court. The appellants appealed to this court.

The appellants submitted that the learned High Court judge erred when he decided the respondents did not need to prove their claim had sufficient grounds if the appellants were present at the hearing of the motion. According to the learned judge, this was the meaning implied in O 70 rr 18(4) and (5). According to the appellants, what was implied in rr 18(4) and (5) was the duty of the respondents to satisfy the court that their claim was sufficiently grounded. The appellants further alleged that the delay in lodging their preliminary act was caused by the refusal or failure of the respondents to produce the documents requested by the appellants.

Held, dismissing the appeal:

Both O 70 rr 18(3) and (4) of the RHC illustrate that while hearing the respondents' motion the court 'may make such order as it thinks just'. It is not at all indicated in r 18(4) that the respondents were required to prove that their claim had sufficient grounds. Indeed, the respondents were prima facie entitled to judgment unless the appellants could furnish a satisfactory explanation as to why they did not lodge their preliminary act within the prescribed period. In this case, the refusal or failure of the respondents to produce the documents requested by the appellants was not a valid reason for the delay. The purpose of the preliminary act is to obtain statements from the parties concerned in regard to the 'recenti facto' circumstances and to prevent the defendant from fashioning his case so as to challenge the plaintiff's case. Thus, the refusal of the respondents to produce the documents could not be made an excuse to file a preliminary act late. In the circumstances found in this appeal, the extension of time also should not be allowed (see pp 672E–I, 673A–B and 674B).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai admiralti, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 128–169.

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 3 k 5, A 70 kk 17(1), 18(3), (4), (5), (7)

Rayuan daripada: Admiralty in Rem No AA S(27)–1 tahun 1993 (Mahkamah Tinggi, Sandakan)

Simon Shim Kong Yip (*Shim Pang & Co*) bagi pihak perayu.
Alex Khoo Kay Mian (*Soo Kok Loong* bersamanya) (*Peter Lo & Co*) bagi pihak penentang.

Cur Adv Vult

Ahmad Fairuz HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah): Ini adalah rayuan daripada keputusan Mahkamah Tinggi Borneo di Sandakan.

Perayu-perayu dalam rayuan ini adalah tuan-tuan punya dan kesemua orang-orang lain yang berkepentingan dalam kapal-kapal atau vessel-vessel 'Fordeco No 12' dan 'Fordeco No 17' ('kapal perayu'). Penentang-penentang adalah tuan punya kapal atau vessel 'MV Xin Hua 10' ('kapal penentang').

Melalui writ saman dalam tindakan in rem, penentang-penentang menuntut ganti rugi atas kerosakan kepada kapal mereka. Mengikut penentang-penentang, kapal mereka dilanggar oleh kapal perayu. Ketika berlakunya perlanggaran itu, kapal penentang sedang berlabuh dan mengisi kargo ke dalamnya. Semasa itu, kapal penentang berada di dalam kawasan dermaga (wharf) yang diperuntukan baginya. Dikatakan juga oleh penentang-penentang bahawa kecuaian perayu-perayulah yang telah menyebabkan perlangggaran itu.

Keterangan-keterangan yang diajukan melalui afidavit-afidavit menunjukkan bahawa writ saman bertarikh 19 Jun 1993 telah diserahkan dengan sempurnanya ke atas kapal perayu. Perayu-perayu telahpun memasukkan kehadiran mereka pada 13 Julai 1993. Penentang-penentang kemudiannya telah menyerahsimpankan dokumen yang disebut 'tindakan permulaan' (preliminary act) mereka di pejabat pendaftaran pada 13 Ogos 1993. Ini sejajar dengan kehendak A 70 k 17(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') yang mewajibkan penentang-penentang, dalam tempoh dua bulan selepas writ saman dikeluarkan, menyerahsimpankan di dalam pejabat pendaftaran tindakan permulaan. Aturan 70 k 17(1) juga memerlukan perayu-perayu menyerahsimpankan tindakan permulaan mereka dalam tempoh dua bulan dari tarikh mereka memasukkan kehadiran (iaitu 13 Julai 1993). Sungguhpun demikian, perayu-perayu hanya menyerahsimpankan tindakan permulaan mereka pada 20 September 1993. Nyatalah bahawa perayu-perayu telah lewat tujuh hari. Mereka mengakui kelewatan itu. Lantas penentang-penentang, melalui suatu notis usul bertarikh 21 September 1993, memohon supaya penghakiman ingkar penyerahsimpanan tindakan permulaan diberi kepada mereka. Penentang-penentang juga pohon ganti rugi ditaksirkan. Kos turut dituntut oleh penentang-penentang. Pada 5 September 1994, permohonan-permohonan penentang-penentang ini dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi. Perayu-perayu kecewa dengan keputusan Mahkamah Tinggi itu, lalu merayu ke mahkamah ini.

Pihak perayu-perayu, antara lainnya, menghujahkan bahawa yang arif hakim Mahkamah Tinggi silap apabila beliau memutuskan penentang-penentang tidak perlu membuktikan tuntutannya cukup berasas jika perayu-perayu hadir dalam pendengaran usul itu. Ini mengikut yang arif adalah maksud yang tersirat dalam kk 18(4) dan (5). Mengikut pihak perayu-perayu, yang tersirat dalam kk 18(4) dan (5) itu ialah kewajipan penentang-penentang memuaskan mahkamah bahawa tuntutan mereka adalah cukup berasas. Kewajipan itu terus kekal terbeban atas penentang-penentang walaupun perayu-perayu hadir di masa pendengaran usul itu.

Penentang-penentang, bagaimanapun, menghujahkan bahawa kewajipan itu tidak wujud apabila perayu-perayu hadir dalam pendengaran usul itu.

Kaedah 18(4) adalah seperti berikut: A

> Semasa pendengaran sesuatu usul di bawah perenggan (3) Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya adil, dan jika defendan tidak hadir di pendengaran itu dan Mahkamah berpendapat bahawa penghakiman patut diberikan kepada plaintif dengan syarat dia membuktikan kesnya, Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya tindakan permulaan plaintif dibuka dan menghendaki plaintif memuaskan Mahkamah bahawa tuntutannya adalah cukup berasas. B
>
> Keterangan plaintif boleh, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, diberikan melalui afidavit tanpa apa-apa perintah atau arahan dibuat bagi maksud itu.

Memandangkan bahawa k 18(4) merujuk kepada k 18(3), wajarlah juga diperturunkan kaedah tersebut yang berbunyi: C

> Jika dalam sesuatu tindakan yang sedemikian, yang merupakan tindakan in rem, defendan gagal menyerahsimpan tindakan permulaan dalam tempoh yang ditetapkan, maka plaintif, jika dia telah menyerahsimpan tindakan yang sedemikian, boleh memohon kepada Mahkamah melalui usul untuk mendapatkan penghakiman terhadap defendan itu, dan tidaklah perlu bagi plaintif untuk memfailkan atau menyampaikan pernyataan tuntutan atau afidavit sebelum pendengaran usul itu. D

Pembacaan kedua-dua k 18(3) dan 18(4) menunjukkan bahawa mahkamah semasa pendengaran usul penentang-penentang itu 'boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya adil'. Selepas perkataan-perkataan ini, terdapat perbahasaan yang berlinang dengan banjir kejelasan akan pengertiannya. Oleh demikian, kejelasannya itu sendiri memperkukuhkan ketepatan keputusan yang arif hakim itu — tidak perlu penentang-penentang membuktikan tuntutan mereka cukup berasas. Tidak langsung tergumpal dalam k 18(4) itu sebarang kesamaran. Justeru itu, kami bersetuju dengan yang arif hakim bicara itu bahawa penentang-penentang tidak perlu, dalam keadaan-keadaan yang wujud di hadapan yang arif hakim bicara ketika itu, membuktikan tuntutan mereka cukup berasas. Dengan demikian, hujah perayu-perayu mengenai keperluan mahkamah membuka tindakan permulaan penentang-penentang turut cair dilanda kehausan merit. Malah, kami bersependapat dengan yang arif hakim bicara apabila beliau mengatakan bahawa penentang-penentang adalah berhak prima facie diberi penghakiman kecuali perayu-perayu dapat memberi penjelasan yang memuaskan mengenai kenapa mereka tidak menyerahsimpankan tindakan permulaan mereka dalam tempoh masa yang ditetapkan. Dan sememangnya perayu-perayu memberi penjelasan. Dan penjelasan-penjelasan itu telah diambilkira oleh yang arif hakim bicara. Penghakiman yang arif hakim bicara meringkaskan penjelasan-penjelasan itu. Mengikut ringkasan itu, keengganan atau kegagalan pihak penentang-penentang untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang dipinta oleh perayu-perayu adalah salah satu daripada punca-punca yang menyebabkan perayu-perayu lewat menyerahsimpankan tindakan permulaan mereka. Ini, mengikut yang arif hakim bicara, bukanlah suatu sebab yang sah atas kelewatan itu. Kebenaran pendapat yang arif hakim bicara itu akan lebih ketara jika k 17(1)(i) hingga (xv) KMT diteliti. Jelas dari peruntukan- E F G H I

peruntukan itu bahawa tujuan tindakan permulaan itu adalah seperti yang disebut dalam penghakiman yang arif hakim bicara, untuk mendapatkan kenyataan-kenyataan daripada pihak-pihak berkenaan mengenai keadaan-keadaan 'recenti facto' dan untuk mengelakkan pihak defendan (iaitu perayu-perayu dalam rayuan ini) daripada mencorakbentukkan kesnya bagi menentangi kes plaintif (penentang-penentang dalam rayuan ini). Justeru itu, keengganan pihak penentang-penentang mengemukakan dokumen-dokumen itu tidaklah boleh dijadikan suatu alasan untuk memfailkan tindakan permulaan mereka lewat. Selain dari penjelasan ini, dikatakan juga perayu-perayu bahawa mereka menghadapi kesukaran-kesukaran yang banyak bagi mendapatkan keterangan. Dalam hal ini, afidavit perayu-perayu menunjukkan bahawa mereka telah menulis kepada peguam penentang-penentang pada 13 Ogos 1993 memohon dokumen-dokumen tertentu. Dikira dari 13 Ogos 1993, perayu-perayu masih mempunyai sebulan lagi untuk menyerahsimpankan tindakan permulaan itu. Dalam pada itupun, mereka masih gagal menyerahsimpankan tindakan permulaan itu dalam tempoh masa yang ditetapkan. Perayu-perayu seterusnya menegaskan bahawa mereka telah memohon daripada penentang agar tempoh masa yang ditetapkan itu dapat dilanjutkan. Malangnya penentang-penentang tidak bersetuju. Kerana itulah juga perayu-perayu terlewat menyerahsimpankan tindakan permulaan itu. Dalam hal ini, patutlah juga diamati k 18(7) yang berbunyi:

> Dalam kaedah ini sebutan-sebutan mengenai tempoh yang ditetapkan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan-sebutan mengenai tempoh dalam mana menurut kuasa kaedah 17(1) atau mana-mana perintah Mahkamah, plaintif atau defendan mengikut kehendak konteks perujukan itu, dikehendaki menyerahsimpan suatu tindakan permulaan.

Yang perlu dititikberatkan daripada k 18(7) ini ialah 'atau mana-mana perintah mahkamah'. Ini bererti 'tempoh yang ditetapkan' bukanlah sahaja terdapat dalam k 17(1). Ianya boleh juga terdapat dalam perintah mahkamah. Ini bererti A 3 k 5 KMT sewajarnya patut diguna oleh perayu-perayu. Aturan 3 k 5 itu berbunyi:

> (1) Mahkamah boleh, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil, melalui perintah melanjutkan atau memendekkan tempoh dalam mana seseorang dikehendaki atau dibenarkan oleh kaedah-kaedah ini, atau oleh mana-mana penghakiman, perintah atau arahan, melakukan apa-apa perbuatan dalam mana-mana prosiding.
>
> (2) Mahkamah boleh melanjutkan apa-apa tempoh yang sedemikian seperti yang disebutkan dalam perenggan (1) sungguhpun permohonan minta lanjutan itu tidak dibuat sehinggalah selepas tamatnya tempoh itu.
>
> (3) Tempoh yang di dalamnya seseorang dikehendaki oleh kaedah-kaedah ini, atau oleh mana-mana perintah atau arahan, menyampaikan, memfailkan atau meminda apa-apa pliding atau dokumen-dokumen lain boleh dilanjutkan dengan izin (yang diberikan secara bertulis) tanpa perintah Mahkamah dibuat bagi maksud itu.
>
> (4) Dalam kaedah ini, sebutan-sebutan mengenai Mahkamah hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan-sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan.

Tiada keterangan yang boleh menujukkan perayu-perayu telah menggunakan A 3 k 5 itu dikemukakan. Oleh demikian, tiadalah sesiapa boleh dipersalahkan kecuali perayu-perayu sendiri. Walau bagaimanpun, yang arif hakim bicara telah juga menimbangkan isu perlanjutan masa ini dan telah memutuskan bahawa dalam keadaan-keadaan yang terdapat di dalam rayuan ini, perlanjutan masa tidak wajar diizinkan. Kami tidak mempunyai sebab yang munasabah untuk tidak bersependapat dengan yang arif itu.

Atas sebab-sebab yang terhurai dalam perenggan-perenggan sebelum ini, kami menolak rayuan ini dengan kos dan mengarahkan deposit diberi kepada penentang-penentang untuk kos dicukaikan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh David Lai